

Mesej Dua

**Kristus Merupakan Pembebas dan  
Dia yang Menjadikan Kita Lebih daripada Jayeng**

Bacaan Bible: Roma 8:2, 31-39

**I. Kita dapat mengalami, menikmati, dan mengekspresikan Kristus sebagai Pembebas kita melalui hukum Roh hayat—Roma 8:2:**

- A. Kenikmatan terhadap hukum Roh hayat dalam Roma 8 membawa kita masuk ke dalam realiti Tubuh Kristus dalam Roma 12; hukum ini beroperasi dalam kita semasa kita hidup dalam Tubuh dan untuk Tubuh—8:2, 28-29; 12:1-2, 11; Flp. 1:19.
- B. Setiap hayat mempunyai hukum dan malah merupakan satu hukum; hayat Tuhan ialah hayat yang tertinggi, dan hukum hayat ini hukum yang tertinggi—bd. Yoh. 1:4-5; 12:24; 14:6a; 10:10b; 1 Kor. 15:45b.
- C. Tuhan Tritunggal telah melalui proses menerusi inkarnasi, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan ke syurga untuk menjadi hukum Roh hayat yang dipasangkan dalam roh kita sebagai hukum “saintifik”, suatu prinsip yang automatik; ini merupakan salah satu penemuan yang terbesar, malah pemulihan yang terbesar, dalam ekonomi Tuhan—Roma 8:2-3, 11, 34, 16.
- D. Hukum Roh hayat ialah kudrat spontan kepunyaan hayat divin; hukum Roh hayat merupakan ciri semula jadi dan fungsi yang tabii, automatik kepunyaan hayat divin—ay. 2; Flp. 2:13; Yeh. 36:26-27; Ams. 30:18-19; Yes. 40:28-31; Ibr. 12:2a; Flp. 4:13; Kol. 1:28-29.
- E. Apabila kita mengekalkan sentuhan dengan Tuan, sentiasa menghubungi Tuan, hukum Roh hayat bekerja secara automatik, spontan, dan mudah sekali:
  1. Kita perlu menghentikan pergelutan dan usaha kita sendiri—Gal. 2:20a; Roma 7:15-20:
    - a. Jika kita tidak melihat bahawa dosa ialah suatu hukum dan bahawa tekad kita pasti tidak dapat jayeng atas hukum ini, kita akan terjerat dalam Roma 7; kita tidak akan sampai pada Roma 8.
    - b. Paulus bertekad berulang kali, tetapi hasilnya hanyalah kegagalan yang berulang kali; perkara terbaik yang dapat dilakukan manusia hanyalah berazam—7:18.
    - c. Apabila dosa terpendam dalam kita, dosa hanyalah dosa, namun apabila dosa terbangkit dalam kita ketika kita bertekad melakukan kebaikan, dosa pun menjadi “kejahatan”—“Aku mendapati hukum itu ada bersama dengan aku yang bertekad melakukan kebaikan, iaitu kejahatan itu ada padaku”—ay. 21.
    - d. Kita tidak harus bertekad, sebaliknya kita harus meletakkan minda kita pada roh dan bergerak-hidup menurut roh—8:6, 4; Flp. 2:13.
  2. Kita perlu bekerjasama dengan Tuhan yang huni secara dalaman, yang telah terpasang, yang automatik dan beroperasi secara dalaman, melalui doa serta mempunyai roh yang bergantung kepada-Nya, dengan itu mengekalkan persekutuan kita dengan Tuan hayat dan Tuan kerja—1 Tes. 5:17; Ef. 6:17-18.
  3. Kita perlu menjaga perasaan hayat dalam roh kita untuk kekal berada dalam persekutuan hayat, yakni pengaliran hayat divin, supaya hukum Roh hayat dapat beroperasi—Roma 8:6, 16; 1 Yoh. 1:2-3, 6-7.
- F. Segala kunci bagi kehidupan dan pelayanan kita dalam Tubuh Kristus ialah hukum Roh hayat, yang beroperasi dalam kita:

Mesej Dua (sambungan)

1. Hukum Roh hayat menjadikan kita Tuhan dalam hayat, sifat, dan ekspresi tetapi bukan dalam Ketuhanan, membentuk kita kepada imej Anak sulung Tuhan agar kita dapat menjadi ekspresi korporat-Nya—Roma 8:2, 29.
  2. Hukum Roh hayat mengkonstitusikan kita menjadi anggota Tubuh Kristus yang mempunyai semua jenis fungsi—Ef. 4:11-12, 16.
- G. Kita dapat bekerjasama dengan Tuhan Tritunggal yang beroperasi secara dalaman sebagai hukum Roh hayat dengan “membuka suis” hukum ini melalui cara-cara berikut:
1. Kita perlu bergerak-hidup menurut roh—hidup dalam roh—Roma 8:4, bd. Mzm. 23:3:
    - a. Rahsia untuk mengalami Kristus ialah berada dalam Dia yang memperkuatkan kita untuk melakukan segala sesuatu, dan rahsia untuk berada dalam-Nya adalah dengan berada dalam roh kita—Flp. 4:12-13, 23.
    - b. Aspek praktikal bagi kita hidup dalam Kristus ialah hidup dalam roh kita; dalam buku Roma, dutus Paulus menekankan bahawa segala apanya kita (2:29; 8:5-6, 9), segala yang kita miliki (ay. 10, 16), dan segala yang kita lakukan terhadap Tuhan (1:9; 7:6; 8:4, 13; 12:11) haruslah berada dalam roh kita:
      - 1) Untuk hidup dalam roh kita, kita perlu meluangkan masa untuk menatap Tuan, berdoa bagi bersatu dengan Yesus, bermandi dalam wajah-Nya, ditepu keindahan-Nya, dan memancarkan keunggulan-Nya—2 Kor. 3:16, 18; Mzm. 27:4; bd. Mat. 6:6; 14:23; Kel. 33:11a; 34:4, nota kaki 1.
      - 2) Untuk hidup dalam roh kita, kita perlu berdoa tanpa henti—1 Tes. 5:17; bd. Yoh. 20:22; Rat. 3:55-56; Roma 10:12-13.
      - 3) Untuk hidup dalam roh kita, kita perlu terus kekal dalam persekutuan hayat divin agar kita dapat bergerak-hidup dalam cahaya divin—1 Yoh. 1:2-3, 6-7.
  2. Kita dapat memikirkan hal-hal Roh itu—meletakkan minda kita pada roh—Roma 8:5-6:
    - a. Kita perlu memperhatikan roh kita, memberi perhatian kepada perasaan roh kita agar tidak mendukakan Roh itu dan tidak memadamkan Roh itu—Mal. 2:15-16; Ef. 4:30; 1 Tes. 5:19.
    - b. Kita dapat meletakkan minda kita pada roh dengan meletakkan minda kita pada sabda Tuhan yang merupakan roh dan hayat—Yoh. 6:63; Yes. 55:8-11.
    - c. Meletakkan minda kita pada roh, iaitu memikirkan hal-hal Roh itu, juga bererti bersatu dengan Tuan untuk mengambil berat terhadap gereja berserta semua pekudus dalam bahagian dalaman Kristus Yesus—Flp. 2:21; 1:8.
  3. Kita dapat mematikan amalan-amalan tubuh kita melalui Roh itu—Roma 8:13; Za. 4:6; Gal. 5:16:
    - a. Kita harus membenarkan Roh itu huni dan menetap dalam diri dalaman kita—Roma 8:9, 11.
    - b. Kita perlu kekal berada dalam kehidupan gereja; di sini, Tuhan damai sejahtera menghancurkan Syaitan di bawah kaki kita—16:20; 12:1-2, 11.
  4. Kita sebagai para anak Tuhan dapat dipimpin Roh itu—8:14:

Mesej Dua (sambungan)

- a. Dipimpin Roh itu bererti mengambil berat tentang pengurapan dalaman, iaitu pergerakan dan pengerajan Roh majmuk yang huni secara dalaman—1 Yoh. 2:20, 27.
- b. Dipimpin Roh itu bererti mengambil berat tentang rehat dalam roh kita, dipimpin sebagai tawanan dalam perarakan kemenangan gemilang Kristus—2 Kor. 2:12-14; 7:5-6.
5. Kita dapat berseru kepada Bapa dalam roh keanakan—Roma 8:15; Gal. 4:6:
  - a. Apabila kita berseru, “Abba, Bapa!” (Roma 8:15), “Roh itu sendiri bersaksi bersama dengan roh kita bahawa kita ialah anak-anak Tuhan” (ay. 16).
  - b. Menyeru “Abba, Bapa!” menyatakan betapa manisnya hubungan intim antara kita dengan Tuhan—bd. Mat. 18:3.
6. Kita dapat mengeluh dalam Roh yang berdoa-pinta untuk keanakan penuh kita, iaitu penebusan tubuh kita—Roma 8:23, 26-27:
  - a. Dalam keluhan kita, Roh itu turut mengeluh dan berdoa-pinta untuk kita.
  - b. Roh yang berdoa-pinta itu berdoa untuk kita agar kita dapat dikonform kepada imej Kristus yang merupakan Anak sulung Tuhan—ay. 28-29.

**II. Kita dapat mengalami, menikmati, dan mengekspresikan Kristus sebagai Dia yang menjadikan kita lebih daripada jayeng—ay. 37:**

- A. Kita dapat mengasihi Tuhan dan didesak, dihadkan, dimotivasi, dipaksa, di-dorong, dan digerakkan oleh kasih Kristus untuk lebih daripada jayeng dalam segala sesuatu—ay. 31-39:
  1. Dengan mengasihi Tuhan, kita berbahagian dalam semua kekayaan yang ter-kandung dalam Tuhan—1 Kor. 2:9-10; bd. 2 Tim. 3:2-4.
  2. Kita perlu didesak oleh kasih Kristus untuk mengasihi Tuhan dan pekudus dengan Kristus sebagai kasih kita—2 Kor. 5:14.
- B. “Jika Tuhan memihak kepada kita, siapakah yang dapat menentang kita?”—Roma 8:31; Yer. 31:31-34; Ibr. 8:8-10:
  1. “Aku akan mendirikan waadah abadi dengan mereka bahawa Aku tidak akan berpaling daripada mereka, dan akan berbuat baik terhadap mereka; Aku akan meletakkan ketakwaan kepada-Ku ke dalam hati mereka, supaya mereka tidak akan berpaling daripada-Ku. Dan Aku akan bergirang kerana mereka untuk berbuat baik terhadap mereka, dan Aku akan menanam mereka di tanah ini dalam kesetiaan dengan segenap hati-Ku dan dengan segenap sukma-Ku”—Yer. 32:40-41.
  2. Waadah abadi ini ialah waadah baru; melalui waadah ini; Tuhan tidak akan berpaling daripada kita dan akan menanam kita dalam Kristus, tanah permai kita, dan Kristus dalam segala aspek-Nya akan kita beli, iaitu kita peroleh dengan membayar harga untuk melupakan hal-hal yang ada di belakang dan mengejar Kristus—ay. 40-44; Flp. 3:8-14.
- C. Tuhan memberi kita segala sesuatu bersama dengan Kristus secara percuma; setiap benda, setiap orang, dan setiap situasi ialah milik kita, yakni orang yang mengasihi-Nya, demi penyempurnaan kita—Roma 8:28, 32; 1 Kor. 3:21-22.
- D. Kristus telah mati untuk kita dan telah dibangkitkan, sedang berdoa-pinta untuk kita di sebelah kanan Tuhan—Roma 8:34:
  1. Dalam ayat 34 Kristus berada di sebelah kanan Tuhan, namun dalam ayat 10 Kristus kini berada dalam kita, dalam roh kita—2 Tim. 4:22; bd. Yoh. 1:51; Kej. 28:11-22.

Mesej Dua (sambungan)

2. Dalam Roma 8:34, Kristuslah yang berdoa-pinta untuk kita, namun dalam ayat 26, Roh itu lah yang berdoa-pinta untuk kita:
  - a. Kedua-dua ini bukan dua Pendoa-pinta tetapi satu, Tuan Roh—2 Kor. 3:18.
  - b. Dia sedang berdoa-pinta untuk kita pada dua penghujung: Pada satu penghujung, Roh itu ada dalam kita, mungkin memulakan doa-pinta untuk kita; pada penghujung yang satu lagi, Tuan Kristus berada di sebelah kanan Tuhan, mungkin melengkapkan doa-pinta untuk kita, sudah tentu terutamanya supaya kita dikonform kepada imej-Nya dan dibawa masuk ke dalam kemuliaan-Nya.
- E. Segala jenis penderitaan, termasuk kesengsaraan, seksaan, penindasan, kebuluran, ketelanjanjan, bahaya, dan pedang, tidak dapat memisahkan kita daripada kasih Kristus—Roma 8:35.
- F. Dalam segala penderitaan, kita lebih daripada jayeng menerusi Kristus yang mengasihi kita—ay. 37:
  1. Oleh sebab kasih Tuhan yang tidak berubah terhadap kita, dan hakikat bahawa Kristus telah menyempurnakan segala-galanya bagi pihak kita, maka baik kesengsaraan maupun penindasan tidak dapat menumpaskan atau mengalahkan kita; sebaliknya, dalam segala hal ini kita lebih daripada jayeng menerusi Dia yang mengasihi kita.
  2. Kasih Tuhan ialah sumber penyelamatan abadi-Nya; kasih ini ada dalam Kristus dan telah dicurahkan ke dalam hati kita menerusi Roh Kudus; tidak ada apa-apa pun yang dapat memisahkan kita daripada kasih ini—ay. 38-39; 5:5; Yer. 31:3.
  3. Dalam penyelamatan Tuhan, kasih Tuhan telah menjadi kasih Kristus, yang melakukan banyak perkara yang mengagumkan bagi kita menerusi kurnia Kristus hingga penyelamatan lengkap Tuhan disempurnakan dalam kita—Roma 8:35; Hos. 11:4.
  4. Perkara-perkara yang mengagumkan ini merangsang musuh Tuhan untuk menyerang kita dengan pelbagai jenis kecelakaan; namun begitu, disebabkan gerak balas kita kepada kasih Tuhan dalam Kristus, serangan-serangan ini menjadi faedah kepada kita. Oleh itu, kita lebih daripada jayeng dalam segala kesengsaraan dan kecelakaan kita—Roma 8:35-37, 28.